



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA, 1970 – 1984



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA, 1970 – 1984

MUHAMAD HANAFI BIN MUHAMAD HANEFA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10 Januari 2023.

Perakuan Pelajar :

Saya, MUHAMAD HANAFI BIN MUHAMAD HANEFA, M20182002133, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA, 1970 – 1984 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa – apa penggunaan mana – mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa – apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana – mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia :

Saya, AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA, 1970 – 1984 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah Asia Tenggara).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS
PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA, 1970 – 1984

No. Matrik / Matric's No: M20182002133

Saya / I: MUHAMAD HANAFI BIN MUHAMAD HANEFA

Mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun dengan syarat – syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT / CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdaja keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD / RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

AM

(Tandatangan Pelajar/Signature)

AM
 (Tandatangan Penyelia/Signature
 of Supervisor) & (Nama & Cop
 Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF. MADYA DR. AHMAD ZAINUDIN BIN HUSIN
 Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekal' sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulilah, bersyukur kepada Allah Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya disertasi yang dihasilkan oleh penulis dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Walaupun terdapat banyak dugaan dan cabaran dalam menghasilkan disertasi ini, penulis telah mendapat banyak bantuan dan sokongan daripada pelbagai pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru itu, penulis ingin merakamkan setinggi – tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu penulis sehingga disertasi ini dapat disiapkan sebaik mungkin.

Jutaan terima kasih dan setinggi – tinggi penghargaan kepada Profesor Madya Dr. Ahmad Zainudin Bin Husin, pensyarah kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) selaku penyelia disertasi ini. Beliau dengan sabar dan tanpa mengenal penat lelah telah membantu dan membimbing penulis sehingga disertasi ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Segala bantuan dan dorongan yang diberikan hanya Allah dapat membalasnya.

Di samping itu, ucapan penghargaan teristimewa ditujukan kepada arwah bonda tercinta Zaimah Binti Mamat. Diharapkan segala manfaat yang ada di dalam disertasi ini menjadi pahala kepada bonda di akhirat kelak. Malahan penghargaan turut ditujukan kepada isteri tercinta Nor Shamsiah Atiqah Binti Mohd Zibil dan keluarga terutama ayahanda Muhamad Hanefa Bin Sine Muhamad serta sahabat, Abdul Hafiz Bin Mohd Idzhan yang banyak membantu dan memberikan sokongan moral kepada penulis.

Akhir kata, penulis juga ingin memberikan penghargaan yang tidak berbelah bagi kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu penulis menyiapkan disertasi ini.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia pada tahun 1970 sehingga tahun 1984. Fokus kajian ini ialah analisis terhadap sikap British dalam menangani krisis yang timbul antara Brunei dengan Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah sejarah dengan pendekatan kualitatif berteraskan analisis dokumen. Sumber yang digunakan untuk penyelidikan ini ialah sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer terdiri daripada dokumen yang diperoleh daripada arkib United Kingdom seperti dokumen *Foreign Office (FO)*, *Foreign and Commonwealth Office (FCO)* dan dokumen dasar luar Malaysia yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia serta hansard palimen yang diperoleh di perpustakaan Palimen Malaysia. Sumber sekunder pula terdiri daripada penulisan ilmiah seperti buku dan artikel jurnal. Data daripada dokumen ini dianalisis bagi menjawab permasalahan kajian yang dikemukakan dalam penyelidikan ini. Hasil kajian ini menunjukkan terdapat dua faktor yang mempengaruhi sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1970 hingga 1984. Faktor tersebut ialah isu persempadanan kedua negara yang masih berlarutan dan sikap Malaysia terhadap pemimpin Parti Rakyat Brunei. Kedua-dua isu ini menimbulkan suasana tegang dalam hubungan Brunei – Malaysia. Ini mendorong British untuk terus mengekalkan kedudukannya di Brunei selepas tahun 1970 atas kepentingan keselamatan bekas tanah jajahannya itu. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pembentukan dasar luar negara era Perang Dingin adalah mengambil kira isu ancaman keselamatan luar dan dalam negara khususnya terhadap keselamatan sosial dan politik. Oleh itu penggubal dasar negara perlu berwaspada dengan persekitaran politik antarabangsa terutamanya dalam penggubalan dasar luar agar negara tidak terjerat dalam percaturan kuasa besar yang merugikan.





BRITISH' S ATTITUDE TOWARDS BRUNEI – MALAYSIA RELATIONS 1970 – 1984.

ABSTRACT

This study aims to evaluate the British attitude towards Brunei's relationship with Malaysia in 1970 until 1984. The focus of this study is the analysis of the British attitude in dealing with the crisis that arose between Brunei and Malaysia. This research uses historical methods with a qualitative approach based on document analysis. The sources used for this research are primary sources and secondary sources. Primary sources consist of documents obtained from United Kingdom archives such as Foreign Office (FO), Foreign and Commonwealth Office (FCO) documents and Malaysian foreign policy documents obtained from the National Archives of Malaysia as well as Parliamentary Hansards obtained from the Malaysian Parliament library. Secondary sources consist of scientific writing such as books and journal articles. The data from this document was analyzed to answer the research problems presented in this research. The results of this study show that there are two factors that influence the British attitude towards Brunei's relationship with Malaysia between 1970 and 1984. The factor is the ongoing demarcation issue between the two countries and Malaysia's attitude towards the Brunei People's Party leaders. Both of these issues created a tense atmosphere in Brunei – Malaysia relations. This prompted the British to continue to maintain their position in Brunei after 1970 in the interests of the security of their former colony. The implications of this study show that the formation of foreign policy in the Cold War era takes into account the issue of external and internal security threats, especially to social and political security. Therefore, national policy makers need to be alert to the international political environment, especially in formulating foreign policy so that the country does not get entangled in the bad fortunes of great powers.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN / SIMBOL	xiii



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	8
1.7	Kajian Literatur	9
1.8	Metodologi Kajian	16
1.9	Pembahagian Bab	19
1.10	Kesimpulan	22



**BAB 2 LATAR BELAKANG HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA 1971**

2.1	Pengenalan	23
2.2	Latar Belakang Era Kerajaan Tradisional	25
2.3	Hubungan Tradisional Brunei Dengan Sabah Dan Sarawak	31
2.4	Brunei Era Perluasan Kuasa Barat	36
2.4.1	Persempadanan Brunei – Sarawak	37
2.4.2	Persempadanan Brunei – Sabah	47
2.5	Brunei Era Imperialisme Barat (Sebelum Perang Dunia Kedua)	53
2.5.1	Hubungan Dengan Portugis	54
2.5.2	Hubungan Dengan Sepanyol	56
2.5.3	Hubungan Dengan Belanda	60
2.5.4	Hubungan Dengan British	61
2.6	Dari Naungan kepada Negara Kolonial (Brunei – British)	67
2.7	Brunei Dan Rancangan Pembentukan Malaysia 1961	74
2.8	Perjanjian Persahabatan 1971	83
2.9	Kesimpulan	87

BAB 3 SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA MELIBATKAN ISU TUNTUTAN LIMBANG OLEH BRUNEI 1970 – 1974

3.1	Pengenalan	89
3.2	Latar Belakang Isu Tuntutan Limbang Oleh Brunei	91
3.3	Perkembangan Isu Tuntutan Limbang Oleh Brunei	107
3.4	Sikap British Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Berikutan Tercetusnya Isu Limbang	120
3.5	Dasar End Of Suez British Dan Kepentingannya Dalam Menyelesaikan Isu Brunei – Malaysia	129
3.6	Kesimpulan	148





BAB 4 SIKAP BRITISH TERHADAP HUBUNGAN BRUNEI – MALAYSIA BERIKUTAN ISU PEMBERIAN SUAKA POLITIK KEPADA AHLI PARTI RAKYAT BRUNEI (PRB) 1973 – 1975

4.1	Pengenalan	150
4.2	Latar Belakang Isu Pemberian Suaka Politik Kepada Ahli Parti Rakyat Brunei (PRB)	151
4.3	Aktiviti Parti Rakyat Brunei (PRB) Di Malaysia Dan Brunei	154
4.3.1	Penyertaan Pelajar Brunei Dalam Perjuangan Parti Rakyat Brunei (PRB)	160
4.4	Aktiviti Parti Rakyat Brunei (PRB) Di Peringkat Antarabangsa	161
4.5	Kesan Aktiviti Parti Rakyat Brunei (PRB) Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia	174
4.6	Aktiviti Pimpinan Parti Rakyat Brunei (PRB) Dan Kesannya Terhadap Hubungan Brunei – Sarawak	182
4.7	Kesan Isu Parti Rakyat Brunei (PRB) Terhadap Dasar Brunei Berkanaan Malaysia	188
4.8	Sikap Brunei Dan Malaysia Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Berikutan Isu Memorandum Parti Rakyat Brunei (PRB)	200
4.9	Reaksi Pimpinan Malaysia Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Berikutan Isu Aktiviti Parti Rakyat Brunei (PRB)	206
4.10	Reaksi Malaysia Terhadap Perubahan Dasar Luar Brunei Berikutan Isu Melibatkan Parti Rakyat Brunei (PRB)	210
4.11	Reaksi Negara Berkepentingan Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia	213
4.12	Sikap British Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Melibatkan Isu Pemberian Suaka Politik Kepada Ahli Parti Rakyat Brunei (PRB)	214
4.13	Kesimpulan.	231



**BAB 5 SIKAP BRITISH TERHADAP USAHA NORMALISASI HUBUNGAN
BRUNEI DAN MALAYSIA 1976 – 1984**

5.1	Pengenalan	233
5.2	Latar Belakang Usaha Normalisasi Hubungan Brunei dan Malaysia	234
5.2.1	Diplomasi Polo	248
5.2.2	Peranan Tengku Ahmad Rithauddeen	252
5.2.3	Rekonsiliasi Hubungan Brunei – Sarawak	255
5.2.4	Inisiatif Kementerian Pertahanan Malaysia	257
5.3	Penarikan Sokongan Malaysia Terhadap Aktiviti Parti Rakyat Brunei (PRB)	259
5.4	Tun Hussein Onn Dan Diplomasi Brunei – Malaysia	260
5.5	Perkembangan Usaha Normalisasi Hubungan Brunei Dan Malaysia	264
5.6	Sikap British Terhadap Usaha Normalisasi Hubungan Brunei Dan Malaysia	270
5.7	Kesimpulan	300

BAB 6 RUMUSAN

6.1	Rumusan	302
-----	---------	-----

RUJUKAN

311

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	74





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Peta Negara Brunei.	24
2.2 Peta yang menunjukan perluasan sempadan Sarawak semasa pentadbiran Keluarga Brooke.	47
2.3 Peta kawasan yang diserahkan oleh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB).	53
3.1 Peta kawasan Limbang.	90





SENARAI SINGKATAN / SIMBOL

AMDA	Anglo – Malayan Defence Agreement
ASEAN	Association Southeast Asian Nations
BAKER	Parti Barisan Kemerdekaan Brunei
BHC	British High Commission
BMPC	British Malayan Petroleum Company
BNBC	British North Borneo Company
FCO	Foreign Colonial Office
FLN	National Liberation Front
FPDA	Five Power Defence Arrangements
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MIT	Mara Institute Of Technology
NAA	National Archives Of Australia
NATO	North Atlantic Treaty Organization
PBB	Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu
PKM	Parti Komunis Malaya
PRB	Parti Rakyat Brunei
SABERKAS	Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak
SBUB	Syarikat Borneo Utara British
SEAD	South East Asia Department
SEATO	Southeast Asia Treaty
SNAP	Parti Kebangsaan Sarawak
SOAS	Sultan Omar Ali Saifuddien College





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

SUPP	Parti Bersatu Rakyat Sarawak
SWPD	South West Pacific Department
TNKU	Tentera Nasional Kalimantan Utara
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia
UMNO	United Malays National Organisation



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PETA



Peta Asia Tenggara. Dipetik daripada Nations Online Project. Capaian pada 1 Disember

2021. Melalui talian <https://www.nationsonline.org>.



BAB 1

PENGENALAN



Bab ini akan membincangkan berkenaan aspek perancangan tentang keseluruhan disertasi ini. Bab ini juga akan menghuraikan subtopik penting yang menjadi tunjang kepada penulisan disertasi ini. Subtopik tersebut merangkumi perkara seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan kajian lepas, metodologi kajian dan pembahagian bab untuk keseluruhan disertasi ini. Kajian ini bertemakan Sejarah Asia Tenggara yang bertujuan untuk menilai sikap British dalam menghadapi isu-isu yang timbul melibatkan dua negara yang mempunyai hubungan dengannya iaitu Brunei dan Malaysia.





1.2 Latar Belakang Kajian

Berikut penarikan diri Brunei daripada menyertai gagasan Malaysia menyebabkan statusnya kekal sebagai negara kolonial British. Ini menyebabkan British terus berperanan dalam menguruskan hal ehwal luar Brunei berdasarkan Perjanjian Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Keadaan ini berbeza dengan jiran terdekat mereka iaitu Sarawak dan Sabah yang bebas daripada British apabila mereka menyertai gagasan Malaysia. Kedudukan ini menyebabkan segala urusan luar negara Brunei masih ditentukan oleh pihak British berbanding dengan jirannya Malaysia yang menguruskan sendiri hal ehwal luar negaranya. Oleh itu segala isu yang melibatkan hubungan Brunei dengan negara lain seperti Malaysia adalah tertakluk kepada British. Berkenaan hal ini, meskipun hubungan luar Brunei ditentukan oleh British, keadaan semasa Asia Tenggara yang tidak stabil berikutkan merebaknya ancaman komunis, menyebabkan British lebih berlembut dengan Brunei dan membiarkan pemimpinnya membuat keputusan dalam hubungannya dengan Malaysia. Keadaan ini jelas kelihatan dalam pengendalian pelbagai isu timbul melibatkan hubungan kedua-dua negara selepas pembentukan Malaysia 1963.

Isu besar yang timbul era 1963 sehingga 1984 melibatkan persempadanan dan keselamatan seperti tuntutan terhadap kawasan Limbang dan isu suaka politik terhadap tahanan politik Brunei yang mlarikan diri ke Malaysia. Tahanan politik Brunei tersebut adalah individu berperanan penting dalam Parti Rakyat Brunei (PRB) yang terlibat dalam peristiwa pemberontakan Brunei pada 8 Disember 1962.





Bagi memahami kedua isu ini, kita tidak dapat lari daripada menilai sikap British yang memberi kesan kepada perkembangan isu tersebut sehingga kemerdekaan Brunei. Kepentingan di kedua-dua negara telah menyebabkan British mengambil sikap yang berhati-hati dan waspada dalam menyelesaikan konflik yang timbul. Kedudukan British yang mempunyai kuasa berkaitan dengan hubungan luar Brunei tentu sekali memainkan peranan yang cukup penting untuk mereka menyelesaikan konflik yang timbul. Hal ini kerana konflik ini menyukarkannya untuk menamatkan penglibatan di Brunei sesuai dengan dasar Timur Suez selepas tahun 1970. Selain itu, British masih lagi mempunyai kepentingan terhadap kedua-dua negara menyebabkan sikap yang berhati-hati telah diambil oleh British untuk menyelesaikan sebarang isu yang timbul di antara Brunei dan Malaysia terutama sekali berkaitan dengan hubungan politik dan diplomatik.



Oleh itu, kajian ini akan memberikan satu sudut pandang baru berkaitan dengan sejarah hubungan Brunei dan Malaysia serta peranan yang dimainkan oleh pihak kolonial British sebagai pihak yang bertanggungjawab terhadap dasar luar Brunei sehinggalah kemerdekaannya pada tahun 1984. Hubungan kedua-dua negara dalam tempoh kajian akan dianalisis dengan melihat sikap British terhadap kedua-dua negara.

Kajian ini dilaksanakan kerana sejarah berkaitan dengan hubungan Brunei dan Malaysia kurang mendapat perhatian sejarawan. Hal ini telah mewujudkan lompong yang perlu dipenuhi terutama sekali berkaitan dengan sejarah kedua-dua buah negara ini. Penulisan ini mampu memberikan sumbangan akademik terutama di dalam disiplin Sejarah Asia Tenggara yang bertemakan sejarah diplomasi. Disamping itu, dengan menyelusuri sejarah hubungan antara kedua-dua buah negara, secara langsung akan





dapat membantu memahami serta mengenalpasti kepentingan hubungan yang baik antara kedua-dua buah negara yang mana mampu memberikan sumbangan di dalam aspek hubungan antarabangsa sekali gus memberikan kemajuan politik, ekonomi dan sosial kedua-dua buah negara.

1.3 Permasalahan Kajian

Secara tradisi Brunei merupakan sebuah kerajaan yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja mempunyai hubungan yang rapat dengan Tanah Melayu sebelum pembentukan Malaysia. Hubungan dalam kalangan Sultan di negeri Melayu dengan Sultan Brunei adalah berada di dalam keadaan yang baik sejak zaman tradisi lagi.

Walau bagaimanapun, selepas pembentukan Malaysia hubungannya agak berbeza lantaran pelbagai isu yang melibatkan kepentingan kedua negara.

Terdapat kajian sebelum ini menyentuh tentang isu yang wujud dalam hubungan Brunei dengan jirannya selepas Perang Dunia Kedua sehingga kemerdekaan. Antara isu tersebut termasuklah tentang perjuangan Parti Rakyat Brunei yang melibatkan Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan kepada penulisan tersebut, hubungan Brunei dengan Malaysia kelihatan ada pasang surutnya selepas pembentukan Malaysia sehingga kemerdekaan Brunei. Selepas Brunei menarik diri daripada menyertai Malaysia, kedudukannya kekal sebagai negara kolonial British. Ini menyebabkan mereka tertakluk kepada Perjanjian 1959 yang diperbaharui pada tahun 1971 yang meletakkan tanggungjawab dalam hubungan luar negara dan pertahanan Brunei di bawah British. Oleh itu sikap British sudah tentu memberi kesan kepada segala





keputusan berkaitan dengan dua aspek tersebut. Dari perspektif British, sikap kerajaan tersebut banyak dipengaruhi oleh parti politik yang menguasai Palimen British. Oleh itu sebarang keputusan yang diambil berhubung dengan isu yang dipertikaikan berkait rapat dengan sikap kerajaan British yang memerintah pada masa tersebut.

Dalam krisis antara Brunei dengan Malaysia dalam tempoh kajian, kelihatan keputusan banyak bergantung kepada penyelesaian antara pemimpin Brunei dengan Malaysia yang tidak terlalu memperlihatkan peranan British. Ini menimbulkan persoalan penting dalam memahami keadaan tersebut iaitu sejauhmana sikap British mengesani usaha penyelesaian dalam hubungan kedua negara Asia Tenggara tersebut kerana Kuasa Besar tersebut mempunyai kepentingan terhadap kedua negara tersebut. Kajian ini dirangka untuk menilai sikap Kerajaan British mengendalikan pasang surutnya hubungan kedua negara antara tahun 1970 sehingga 1984 bagi mengelakkannya. Krisis tersebut menjadi berlarutan dan menjaskan rancangan pengunduran sepenuhnya kuasa tersebut daripada Asia Tenggara. Fokus kajian ialah untuk menganalisis sikap British terhadap setiap perkembangan sesuatu isu yang memberi kesan kepada langkah mengendurkan atau menyelesaikan ketegangan yang wujud. Ini dapat menjawab persoalan bagaimana penyelesaian isu tersebut membawa kepada pengunduran sepenuhnya pihak British daripada Asia Tenggara pada tahun 1984.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah:





- i. Membincangkan latar belakang hubungan Brunei dengan Malaysia sehingga tahun 1971.
- ii. Membincangkan sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1970 – 1975 melibatkan isu tuntutan Limbang oleh Brunei.
- iii. Membincangkan sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1973 – 1975 berikutan isu pemberian suaka politik kepada ahli Parti Rakyat Brunei.
- iv. Membincangkan sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1976 – 1984 disebabkan usaha normalisasi hubungan Brunei – Malaysia.
- v. Merumuskan faktor yang mempengaruhi pendirian British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1970 – 1984.



1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai sikap British terhadap hubungan Brunei dengan Malaysia antara tahun 1970 sehingga 1984. Kedudukan Brunei yang masih merupakan negara kolonial dan Malaysia yang merupakan negara komanwel British menyebabkan keduanya amat penting kepada negara kolonial tersebut. Perkembangan semasa Asia Tenggara seperti Perang Dingin di Asia Tenggara dan kebangkitan semula gerakan komunis di rantau ini menyebabkan British tidak dapat mengabaikan salah satu negara tersebut demi kelangsungan pengaruhnya di Asia Tenggara selain memastikan keselamatan wilayah yang berkepentingan dengannya di rantau ini dan Oceania. Sebagai sebuah negara kolonial, Brunei masih menjadi tanggungjawab British dari aspek





pertahanan dan keselamatannya berdasarkan Perjanjian 1959 dan Perjanjian 1971. Untuk tujuan itu, British memerlukan Malaysia yang mempunyai kerjasama pertahanan menerusi *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) untuk meneruskan agenda tersebut selepas pengunduran kuasa tersebut dari Timur Suez selepas tahun 1970. Oleh itu, isu yang melibatkan Brunei dan Malaysia turut menjadi perhatian penting kepada British dalam memastikan keamanan dan kestabilan anggota komanwelnya di Asia Tenggara. Bagi menilai faktor yang mempengaruhi perkembangan hubungan antara kedua negara, kajian tentang isu tersebut dari kaca mata British perlu dikaji bagi memahami keutamaan British dalam dasar luarnya ke atas Asia Tenggara selepas pengundurannya daripada Timur Suez selepas 1970.

Di samping itu, sejarah konflik luar yang melibatkan Malaysia dengan jirannya

era awal kemerdekaan lebih banyak berkisar kepada Peristiwa Konfrontasi dengan Indonesia. Pada dasarnya, Malaysia turut mengalami krisis dengan negara jirannya yang lain seperti Brunei. Sejarah tentang krisis ini wajar dikupas supaya dapat memberikan pemahaman kepada masyarakat awam tentang krisis antara negara di awal kemerdekaan. Kajian ini akan membuktikan hubungan antarabangsa yang baik antara negara serantau mampu mewujudkan kestabilan yang secara langsung akan menggalakkan potensi pembangunan yang seimbang. Selain itu, amat jelas bahawa hubungan yang baik di antara negara-negara jiran juga akan mewujudkan kestabilan yang dapat mengelakkan konflik yang berpanjangan yang mendorong kepada campur tangan asing yang merugikan.





Akhir sekali, peranan British di Asia Tenggara terutama sekali selepas Perang Dunia Kedua sehingga berakhirnya Perang Dingin wajar dilihat dari sudut pandang yang berbeza kerana keberadaan British telah memberikan kesan jangka panjang kepada lanskap politik dan hubungan antarabangsa rantau tersebut. Sikap British yang begitu berhati-hati ketika isu melibatkan Brunei dan Malaysia tercetus begitu kritikal kerana lanskap rantau Asia Tenggara mula berubah apabila British mempunyai rancangan untuk berundur daripada rantau Asia Tenggara. Justeru itu, pemahanan kepada tindak-tanduk British wajar dilihat sebagai iktibar dan idea untuk negara-negara rantau Asia Tenggara mengatur hubungan politik dan diplomatik dengan teliti dan tepat.



Kajian ini memfokuskan perkembangan hubungan Brunei dan Malaysia antara tahun 1970 sehingga 1984. Tahun 1970 dipilih untuk memulakan kajian ini kerana ini menandakan bermulanya pengunduran tentera British daripada Timur Suez yang memberi kesan kepada dasarnya kepada Brunei dan juga Malaysia. Keadaan ini ditambah pula oleh keadaan hubungan Brunei – Malaysia yang mengalami fasa pasang dan surut selepas tahun 1970. Tahun 1984 dipilih untuk menamatkan kajian ini kerana tahun tersebut merupakan tahun kemerdekaan Brunei dan pengunduran sepenuhnya tentera British dari Asia Tenggara. Pemilihan hubungan Brunei dengan Malaysia adalah atas kepentingan untuk menilai dasar British ke atas Asia Tenggara selepas perubahan dasar penglibatannya di Asia Tenggara.





1.7 Kajian Literatur

Penulisan mengenai hubungan Brunei dan Malaysia banyak disentuh oleh para sarjana lepas terutama semasa era pembentukan Malaysia pada sekitar tahun 1960 sehingga 1963. Hal ini dapat dilihat menerusi karya-karya seperti Fernando & Shanthiah¹, Mohd², Mohamad Rodzi³, Nani Suryani⁴ dan Muhammad Hadi Abdullah⁵. Penulisan-penulisan ini lebih berkisar tentang idea dan proses pembentukan Malaysia yang melibatkan Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu ketika itu.

Namun demikian isu utama yang dibincangkan dalam disertasi ini lebih tertumpu kepada era selepas pembentukan Malaysia. Pada era ini hubungan di antara Brunei dan Malaysia berkembang kerana persempadan Brunei dan Malaysia berubah apabila Sarawak dan Sabah sudah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Terdapat empat tema penting berkaitan dengan isu yang dibincangkan dalam disertasi ini yang pernah ditulis oleh para sarjana iaitu isu tuntutan Limbang, isu pemberian suaka politik kepada tahanan politik Brunei, isu hubungan Brunei dengan British dan isu hubungan Brunei dengan Malaysia.

¹Joseph M. Fernando & Shanthiah Rajagopal, “Politic, Security and Early Ideas of ‘Greater Malaysia’, 1945 – 1961,” *Archipel*, 94 (2017): 97-119.

²Mohd Bin Samsudin, *Persekutuan Malaysia 1961 – 1966 Penubuhan dan Cabaran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016).

³Mohamad Rodzi Abd. Razak, “Gagasan Malaysia dan penglibatan British: satu tinjauan,” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 29 (2003): 109-122.

⁴Nani Suryani Haji Abu Bakar, “Brunei and the British Decolonisation Policy, 1950 – 1966,” (2018): 1-22, <https://www.researchgate.net/>

⁵Muhammad Hadi Abdullah, “Brunei’s Political Development And The Formation Of Malaysia: 1961 – 1967” (Tesis Phd, University Of Hull, 2002).





Isu Limbang telah ditulis oleh sarjana-sarjana seperti Crisswell⁶, Cleary & Shaw⁷, Nik Anuar⁸, Haller – Trost⁹, Awang Asbol¹⁰ dan Nani Suryani¹¹. Berkenaan dengan aspek asal usul tuntutan Limbang, perkara ini disentuh oleh Crisswell yang menegaskan bahawa asal usul tuntutan Limbang bermula apabila Limbang menjadi sebahagian daripada Sarawak akibat daripada kekacauan yang berlaku di kawasan tersebut. Aspek kekacauan ini turut disentuh oleh Horton secara sepantas lalu apabila karya beliau ada menyatakan bahawa terdapat penduduk Tutong yang mlarikan diri ke Limbang apabila berlaku kekacauan di kawasan tersebut.¹² Perkara ini turut disokong oleh Nik Annuar yang menekankan perkara yang sama disamping berhujah bahawa penduduk Limbang merayu kepada Charles Brooke untuk berada di bawah naungan Sarawak. Manakala Awang Asbol menulis tentang isu yang sama tetapi lebih berkisar kepada cabaran yang dihadapi oleh Sultan Abdul Momin dan Sultan Hashim apabila

Brunei kehilangan wilayah Limbang kepada Sarawak. Nani Suryani pula menulis tentang cabaran yang dihadapi oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III dan Sultan Hassanal berkenaan dengan isu tuntutan Limbang selepas peristiwa pembentukan Malaysia.

⁶C. N. Crisswell, “The Origins of the Limbang Claim,” *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 2, No. 2 (Sep., 1971): 218-229.

⁷Mark Cleary and Brian Shaw, “Limbang: a lost province of oil-rich Brunei Darussalam,” *Geography*, Vol. 77, No. 2 (April 1992): 178-181.

⁸Nik Anuar Nik Mahmud, “Isu Limbang Dalam Hubungan Britain Dan Brunei, 1890 – 1963,” dlm *Arkeologi Dan Sejarah*, disunting oleh Abdullah Zakaria Ghazali & Jazamuddin Baharuddin (Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 2008), 351-373.

⁹Renate Haller-Trost, “The Brunei-Malaysia Dispute over Territorial and Maritime Claims in International Law,” *Maritime Briefing Volume 1 Number 3*, ed. Clive Schofield & Martin Pratt (Durham: University of Durham, 1994), 1-63.

¹⁰Haji Awang Asbol bin Haji Mail, “Kesultanan Melayu Brunei 1850 – 1906: Limbang Jasad Brunei dan Brunei Roh Limbang,” *Jurnal Pengajian Melayu* (2004): 174-201.

¹¹Nani Suryani Haji Abu Bakar, “Brunei’s Political Development Between 1966 And 1984: Challenges and Difficulties Over Its Security and Survival,” (Tesis Phd, University of Leeds, 2006)

¹²A. V. M. Horton, “The Disturbances in the Tutong and Belait Districts of Brunei (1899-1901),” *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 18, No. 1 (Mar., 1987): 93-107.



Karya Haller – Trost pula berkisar tentang pertikaian di antara Brunei dan Malaysia berkaitan dengan wilayah yang menjadi rebutan di antara kedua-dua buah negara. Pertikaian ini melibatkan beberapa wilayah seperti Limbang, Rangau, Trusan dan Lawas. Kajian ini menceritakan sejarah pertikaian yang berlaku di antara kedua-dua negara namun demikian penulisan ini lebih berfokus dalam konteks undang-undang antarabangsa dan hubungan diplomatik berbanding sejarah. Manakala Cleary dan Shaw membincangkan hubungan Brunei dengan Limbang daripada aspek ekonomi selepas kemerdekaan Brunei.

Kebanyakkan penulis membincangkan dengan mendalam asal-usul tuntutan tersebut tetapi lebih kepada usaha untuk membuktikan pemilik yang sah dari perspektif sejarah. Meskipun Nani Suryani telah membincangkan dengan mendalam tentang tuntutan Limbang yang dibangkitkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III pada 1970-an tetapi lebih memfokuskan kepada perkembangannya. Persoalan tentang sikap British terhadap isu tersebut hanya disentuh secara umum khususnya berkaitan dengan hubungan Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan British. Disertasi ini akan menganalisis secara komprehensif tentang sikap British yang memainkan peranan penting dalam menentukan pasang surutnya hubungan kedua negara dalam tempoh yang dikaji.

Seterusnya isu pemberian suaka politik kepada bekas tahanan politik Brunei yang terdiri daripada ahli Parti Rakyat Brunei (PRB) telah dibincangkan oleh Leifer¹³,

¹³Michael Leifer, “Brunei’s Malaysian dispute,” *The Canberra Times*, March 19, 1975, 6.



Nani Suryani¹⁴ dan Habib Buhigiba, Suffian & Mohd.¹⁵ Persoalan tentang PRB banyak disentuh oleh sarjana tetapi lebih berkisar tentang peristiwa pemberontakan Brunei 1962 seperti yang disentuh oleh Harun, Saunders dan Muhammad Hadi tetapi berbeza dengan Leifer, Nani Suryani dan Habib Buhigiba, Suffian & Mohd. Perbincangan mereka lebih tertumpu kepada peristiwa penting yang berlaku berhubung dengan pemberian suaka politik oleh Malaysia kepada ahli Parti Rakyat Brunei (PRB) pada tahun 1973. Isu ini timbul apabila pemimpin PRB iaitu Zaini Ahmad yang merupakan timbalan presiden PRB telah melarikan diri ke Malaysia pada tahun 1973 dan diberikan suaka politik. Kegiatan mereka di Malaysia dibincangkan oleh Habib Buhigiba, Suffian & Mohd secara mendalam selepas peristiwa tersebut. Leifer membincangkan secara sepantas lalu tentang pergeseran di antara Brunei dan Malaysia akibat daripada pemberian suaka politik tersebut. Nani Suryani turut membincangkan dengan mendalam peristiwa tersebut dengan memberikan penekanan terhadap peran pemerintah Brunei menghadapi isu tersebut. Sama seperti isu Limbang persoalan tentang sikap British tidak dibincangkan secara komprehensif kerana isu ini melibatkan aspek keselamatan Brunei dan pada masa yang sama British masih mempunyai tanggungjawab terhadap aspek keselamatan Brunei.

Aspek hubungan Brunei dan British turut dimuatkan dalam penulisan sejarah Brunei. Antara sarjana yang menjadikan tema tersebut sebagai fokus penulisan ialah

¹⁴Nani Suryani, “Brunei’s Political Development Between 1966 And 1984: Challenges and Difficulties Over Its Security and Survival.”

¹⁵Habid’s Buhigiba bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd. Bin Samsudin, “The Struggle of The People’s Party of Brunei in Malaysia, 1973-1979,” *JATI-Journal of Southeast Asian Studies*, Volume 24 (1) (2019): 49-69.



Awang Muhammad¹⁶, Awang Muhammad¹⁷, Dayang Asiyah¹⁸, Stockwell¹⁹ dan Nani Suryani²⁰. Awang Muhammad Hadi membincangkan dengan cukup mendalam permulaan hubungan British dan Brunei bermula daripada peristiwa pengambilan Pulau Labuan pada 18 Disember 1846 sehingga Brunei mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Penulis membuat kupasan yang cukup baik mengikut batasan waktu untuk menjelaskan tentang hubungan di antara British dan Brunei. Tulisan Awang Muhammad lebih berfokus tentang hubungan Brunei – British dengan menganalisis kepentingan hubungan Brunei dengan British terhadap kelangsungan pembentukan negara Brunei sehingga ke hari ini. Artikel ini menjelaskan bahawa terdapat pro dan kontra hubungan Brunei dan British serta percaya yang hubungan tersebut turut memberikan kebaikan kepada Brunei. Asiyah Zahra pula lebih menyentuh tentang hubungan Brunei – British selepas Perang Dunia Kedua. Asiyah mengemukakan hujah bahawa punca utama British begitu menjaga kepentingan di Brunei selepas Perang Dunia Kedua ialah disebabkan oleh kepentingan ekonomi iaitu minyak berbanding dengan kebimbangan British terhadap perkembangan komunis di rantau Asia Tenggara.

¹⁶Dr Awang Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, “Hubungan Brunei – British,” dlm *100 Tahun Hubungan Brunei – British (1906 – 2006) Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III*, selenggara oleh Haji Rosli bin Haji Ampal & Salina binti Haji Jaafar (Brunei: Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bandar Seri Begawan, 2010)

¹⁷Haji Awang Muhammad bin Haji Awang Damit, “Hubungan Persahabatan Brunei – British: Menarik Rambut Dalam Tepung,” dlm *100 Tahun Hubungan Brunei – British (1906 – 2006) Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III*, selenggara oleh Haji Rosli bin Haji Ampal & Salina binti Haji Jaafar (Brunei: Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bandar Seri Begawan, 2010)

¹⁸Dayang Asiyah az-Zahra binti Ahmad Kumpoh, “Pembentukan Dasar British Terhadap Brunei Selepas Perang Dunia Kedua : Pengaruh Daripada Perang Dingin Atau Faktor Minyak,” dlm *100 Tahun Hubungan Brunei – British (1906 – 2006) Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei III*, selenggara oleh Haji Rosli bin Haji Ampal & Salina binti Haji Jaafar (Brunei: Pusat Sejarah Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan Bandar Seri Begawan, 2010)

¹⁹A. J. Stockwell, “Britain and Brunei, 1945-1963: Imperial Retreat and Royal Ascendancy,” *Modern Asian Studies*, Vol. 38, No. 4 (Oct., 2004): 785-819.

²⁰Nani Suryani Abu Bakar, “Dasar Britain terhadap Brunei selepas penolakan Brunei dari menyertai Malaysia pada tahun 1963,” (2018): 1-29, <https://www.researchgate.net/>



Jurnal karya Stockwell telah membincangkan aspek yang lebih menarik tentang hubungan Brunei – Britain. Stockwell berhujah bahawa pada akhir tahun 1950 dan awal tahun 1960 kerajaan British tidak berminat untuk mengekalkan kuasa di Brunei tetapi berusaha untuk menamatkan komitmen mereka di sana yang dianggap memalukan dan berkos tinggi. Namun British kecewa kerana Kesultanan Brunei dilihat tidak berminat untuk menamatkan hubungan tersebut. Isu yang sama turut disentuh oleh Nani Suryani, menerusi tulisan beliau, British sememangnya cuba untuk menamatkan komitmen mereka ke atas Brunei selepas keengganan Brunei menyertai Malaysia. British dilihat cuba untuk menamatkan komitmen mereka dengan berharap Brunei menyertai Malaysia tetapi meninggalkan idea tersebut. Namun pada masa yang sama mendesak Kesultanan Brunei untuk melaksanakan sistem demokratik di Brunei.



selepas pembentukan Malaysia jarang disentuh oleh para sarjana. Hanya terdapat dua orang sarjana yang membincangkan aspek tersebut iaitu Nani Suryani²¹ dan Leifer²². Leifer hanya menyentuh secara ringkas tentang aspek tersebut, manakala Nani Suryani secara mendalam telah berhujah bahawa terdapat beberapa isu seperti Limbang dan pemberian suaka politik kepada ahli PRB telah merengangkan hubungan Brunei dan Malaysia pada tahun 1970 – an tetapi tidak menjelaskan sikap British. Haller – Trost pula menyentuh tentang hubungan Brunei – Malaysia dalam sudut pertikaian kawasan dan sempadan kedua-dua negara selepas 1984. Faktor sejarah awal pertikaian tersebut

²¹Nani Suryani, “Brunei Relations with Malaysia: 1963 – 1983,” *Brunei Merdeka: Kumpulan Artikel Sempena Memperingati Sambutan 30 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam* (2016): 103-129.

²²Michael Leifer, “Brunei’s Malaysian dispute,” *The Canberra Times*, March 19, 1975, 6.





ada dijelaskan secara ringkas kerana perbincangan beliau lebih berkisar tentang undang-undang antarabangsa.

Berdasarkan kajian lepas, tema yang berkaitan dengan disertasi ini terbahagi kepada dua isu yang utama iaitu isu-isu yang mempengaruhi hubungan Brunei – Malaysia seperti isu Limbang dan pemberian suaka politik kepada ahli PRB serta hubungan di antara Brunei dengan British. Perkara ini telah menimbulkan satu persoalan berkenaan dengan sikap British. Hal ini kerana apabila timbul isu yang melibatkan Brunei dengan negara lain secara langsung British akan terlibat sama sebagai pihak yang mengendalikan hubungan luar Brunei berdasarkan Perjanjian 1959 dan 1971. Berhubung dengan kepentingan British terhadap Malaysia, aspek pertahanan terus mendominasi pertimbangan Kuasa Besar tersebut kepada bekas jajahannya itu.

Malaysia danksa British mempunyai kerjasama pertahanan *Five Power Defence Arrangements* (FPDA) selepas pemansuhan perjanjian *Anglo-Malayan Defence Agreement* (AMDA). Ini menyebabkan kuasa tersebut sangat berhati-hati dalam menangani krasis antara dua negara berjiran tersebut. Pemahaman terhadap sikap British sangat penting dalam menilai dasar British selepas Perang terhadap Asia Tenggara. Malahan penilaian terhadap sikap British ini penting kerana pendirian Malaysia terhadap kedudukan kuasa tersebut di Asia Tenggara amat penting dalam ini menamatkan komitmen mereka di Brunei. Perkaitan tentang perkara ini juga akan dinilai dalam penulisan disertasi untuk membuktikan British sememangnya memberikan perhatian serius tentang hubungan Brunei – Malaysia selepas penggundurannya dari Asia Tenggara.





1.8 Metodologi Kajian

Kajian yang akan dilakukan merupakan satu bentuk kajian dan penulisan sejarah yang menggunakan pendekatan kualitatif. Justeru itu, penggunaan pendekatan sejarah iaitu dengan menitikberatkan penggunaan sumber merupakan metod penting kajian ini. Kajian ini menggunakan metod sejarah yang merangkumi empat fasa. Fasa yang pertama ialah heuristik atau pengumpulan sumber sejarah yang berkaitan dengan tajuk. Sumber sejarah yang dikumpulkan terdiri daripada dua sumber yang utama iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia Utama yang terletak di Jalan Duta manakala sumber daripada Arkib United Kingdom (*The National Archives, Kew*) merupakan koleksi peribadi Profesor Madya Dr. Ahmad Zainudin Bin Husin. Sumber utama yang menjadi rangka utama penulisan ini ialah dokumen-dokumen daripada Pejabat Tanah Jajahan British (*Foreign Colonial Office*). Selain itu, sumber primer ini juga diperolehi secara atas talian seperti dokumen arkib yang dimuat turun daripada laman sesawang Arkib Negara Australia. Selain itu, sumber seperti hansard Parlimen UK dan Parlimen Malaysia turut diperolehi daripada laman sesawang. Sumber primer ini juga termasuklah laporan akhbar sama ada tempatan atau luar negara meliputi jangka masa kajian yang turut diperolehi secara atas talian. Manakala bagi sumber sekunder pula, pelbagai sumber akan dirujuk dan digunakan untuk menyokong kajian ini termasuklah tesis, jurnal, akhbar dan buku yang ditulis oleh sarjana sejarah dan pengkaji terdahulu. Sumber-sumber sekunder ini diperolehi melalui kaedah carian perpustakaan dan dalam talian. Antara perpustakaan yang terlibat di dalam proses mengumpulkan sumber yang berkaitan ialah perpustakaan universiti awam seperti Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Tun Seri Lanang





Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Negeri Pahang turut dikunjungi bagi mendapatkan sumber yang membekalkan data bagi menyokong kajian ini. Selain itu, kajian juga menggunakan sumber rujukan daripada pangkalan data berkomputer. Namun demikian, hanya sumber rujukan yang berautoritatif sahaja akan dijadikan panduan rujukan.

Fasa yang kedua pula melibatkan proses kritikan sumber dan data. Sumber primer dan sekunder yang diperolehi ini akan melalui proses penilaian dengan menggunakan dua kaedah sejarah iaitu kritikan dalaman dan kritikan luaran. Proses kritikan sumber ini penting bagi memastikan sumber yang diperolehi mempunyai keabsahan dan sesuai digunakan di dalam kajian ini. Kritikan luaran bertujuan untuk mengesahkan ketulenan dan kesahihan sumber-sumber tersebut. Manakala kritikan dalaman pula berfungsi untuk menentukan kemunasabahan sumber tersebut dengan kajian yang dikaji oleh penulis. Kedua-dua proses ini penting untuk memastikan kajian ini mempunyai autoriti dan tepat dalam konteks penceritaan sejarah.

Fasa yang ketiga pula ialah pentafsiran data. Data yang diperolehi daripada pelbagai sumber yang telah dikumpul ini tersebut akan ditafsir bagi membuktikan atau menyokong setiap hujah yang dikemukakan untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian ini. Pada fasa ini juga, sumber yang disahkan kreadibilitinya akan dianalisis secara kritis bagi mengelakkan unsur bias. Menerusi proses ini data kualitatif tersebut dianalisis berdasarkan kepada objektif utama kajian ini iaitu untuk menilai sikap British dalam mendepani isu yang timbul melibatkan Brunei dan Malaysia sepanjang tempoh yang dikaji. Perkara ini sangat penting kerana kajian menekankan kesahihan bukti berkenaan dengan isu dan perkara yang dikaji. Dapatan kajian sarjana





sejarah yang terdahulu berkenaan dengan isu yang menjadi fokus kajian turut diperhalusi dengan teliti. Kajian ini akan memberikan penekanan yang serius akan aspek objektiviti penulisan sejarah dan akan mematuhi kaedah sejarah.²³ Hal ini kerana kajian bertunjangkankan kajian objektif perlu dititikberatkan supaya sejarah tersebut akan dikisahkan sebagaimana yang berlaku atau dikenali sebagai *histoire-realite*.

Proses akhir yang akan dilakukan ialah historiografi iaitu penghasilan satu penulisan sejarah tentang tajuk yang dikemukakan. Bagi menghasilkan penulisan ini, kaedah penulisan yang digunakan ialah pendekatan naratif dan analisis. Hal ini kerana melalui kaedah naratif ini, kajian ini akan cuba menceritakan sesuatu peristiwa atau kejadian sesuai dengan kaedah penulisan sejarah. Penulisan ini menjadikan pola naratif ekspositoris iaitu penulisan naratif yang menceritakan kejadian atau peristiwa yang benar-benar terjadi dan memang wujud dalam kehidupan nyata sebagai tunjang utama.²⁴ Selain itu, kaedah penulisan penganalisaan turut akan digunakan oleh bagi menghasilkan penulisan ini. Kaedah ini paling sesuai untuk memberikan gambaran yang lebih kritis, mendalam dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah.²⁵ Seterusnya, kaedah penganalisaan juga digunakan untuk mengupas dengan mendalam isu-isu yang timbul berkenaan dengan perkara pokok kajian ini. Akhir sekali hasil penganalisaan tersebut akan dipersembahkan secara kronologikal mengikut tema yang akan menjawab segala objektif kajian ini.

²³R. Suntharalingam, *Pengenalan Kepada Sejarah*. (Kuala Lumpur: Marican & Sons (M) Sdn. Bhd, 1985), 120-121.

²⁴Mohd Azhar Abd. Hamid. et. al., *Pengenalan Kepada Penulisan Ilmiah*. (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 87.

²⁵Haryati Hassan & Khairi Ariffin, “Teknik Penulisan Sejarah,” dlm *Kaedah Penyelidikan Dan Penulisan Sejarah*, ed. Nabir Haji Abdullah et. al. (Tanjung Malim: Emeritus Publications, 2013), 135-166.





1.9 Pembahagian Bab

Bahagian ini akan memberikan gambaran ringkas berkenaan dengan isi kandungan kajian. Pecahan bab ini akan memberikan gambaran awal kepada para pembaca tentang perkara yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Pecahan bab ini membantu kajian ini menjadi lebih tersusun mengikut kronologi serta membantu pembaca untuk meneliti perkara yang cuba disampaikan. Kajian ini dipecahkan mengikut enam bab yang berasingan. Pembahagian bab ini mengikut tajuk dan tema yang akan dibahaskan sesuai dengan kehendak penulisan sejarah.

Bab Pertama: Pendahuluan Kajian

Bab ini merupakan permulaan kepada kajian yang dijalankan. Bab ini akan memperkenalkan tema dan isu yang akan diketengahkan dalam kajian ini. Perkara ini penting bagi memberikan pendedahan awal dan gambaran umum berkaitan dengan perkara yang menjadi fokus kajian. Bab ini merangkumi perkara-perkara seperti latar belakang kajian, ulasan kajian lepas, objektif kajian, tujuan kajian, batasan kajian, fokus kajian, dan metodologi kajian.

Bab Kedua: Latar Belakang Hubungan Brunei – Malaysia Sehingga 1971

Bab kedua ini akan membincangkan latar belakang hubungan Brunei dan Malaysia (Tanah Melayu) sehingga tahun 1971. Perbincangan akan memfokuskan tentang sejarah kedua-dua buah negara bermula pada zaman tradisional, zaman kolonial Barat





sehingga kepada waktu selepas pembentukan Malaysia. Perbincangan akan menyentuh tentang perkembangan hubungan kedua-dua buah negara tersebut.

Bab Ketiga: Sikap British Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Melibatkan Isu Tuntutan Limbang oleh Brunei 1970 – 1974

Bahagian ini akan membincangkan isu sempadan yang timbul melibatkan Brunei dengan Malaysia iaitu isu tuntutan Limbang oleh Brunei. Tuntutan ini mula diusahakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III yang menganggap kawasan Limbang merupakan kawasan Brunei yang dirampas secara tidak sah dan telah dijadikan sebahagian daripada Sarawak. Oleh itu, apabila Sarawak menyertai gagasan Malaysia, tindakan Brunei ini tidak mendapat reaksi yang menyenangkan dari pihak Malaysia yang menganggap Limbang sebagai wilayah Malaysia yang sah. Perkembangan isu ini juga memberikan impak kepada hubungan Brunei dan Malaysia terutama sikap Tun Abdul Razak Hussein dan Abdul Rahman Yaakub agak dingin terhadap Brunei. Aspek yang paling kritikal ialah sikap yang ditunjukkan oleh British bagi menyelesaikan isu tersebut supaya keadaan tidak bertambah buruk sehingga menganggu rancangan British untuk berundur dari Brunei.

Bab Keempat: Sikap British Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia Berikutan Isu Pemberian Suaka Politik kepada Ahli Parti Rakyat Brunei (PRB) 1973 – 1975

Di dalam bab empat pula, kajian ini akan menilai satu lagi isu yang menyebabkan hubungan Brunei dan Malaysia menjadi tegang. Isu yang bermotifkan keselamatan ini sangat kritikal kepada British kerana isu ini sangat sensitif sehingga hubungan Brunei dan Malaysia berada ditahap yang paling kritikal. Hal ini kerana tindakan Malaysia memberikan suaka politik kepada ahli-ahli Parti Rakyat Brunei dianggap satu tindakan





subversif Malaysia terhadap Brunei. Keadaan ini menyebabkan Brunei telah mengambil langkah-langkah yang dingin terhadap Malaysia. Bab ini juga akan menganalisis sikap British yang berhati-hati dan cuba sedaya upaya untuk mendamaikan kedua-dua pihak kerana keadaan ini akan menyebabkan rancangan British untuk menamatkan perjanjian dengan Brunei akan gagal kerana Brunei tidak mahu memisahkan diri daripada British ketika keadaan negara mereka terancam.

Bab Kelima: Sikap British Terhadap Usaha Normalisasi Hubungan Brunei Dengan Malaysia 1976 – 1984

Bahagian ini akan membuat penilaian sikap British ketika Brunei dan Malaysia mengalami anjakan paradigma. Ketika Tun Hussein Onn menggantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia, beliau telah memulakan beberapa usaha untuk menormalisasikan hubungan dengan Brunei. Situasi ini menyebabkan British mengambil peluang untuk memastikan usaha tersebut berjaya demi kepentingan British. Hubungan Brunei dan Malaysia yang memuaskan sangat kritikal bagi memastikan rancangan British menamatkan komitmen mereka dengan Brunei.

Bab Keenam: Rumusan Kajian

Bahagian ini merupakan bahagian terakhir di dalam kajian ini. Bahagian ini merupakan tamsilan kepada sumber, bukti dan pentaksiran yang dibuat berkenaan dengan isu yang dikaji. Disamping itu, bahagian ini juga akan membuktikan hipotesis kajian ini tepat atau sebaliknya. Hasil daripada dapatan kajian ini akan disimpulkan bagi memberikan penjelasan kepada para pembaca untuk memahami perkara pokok yang cuba





disampaikan. Penegasan terhadap hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan tema dan tajuk kajian juga akan dibuat.

1.10 Kesimpulan

Justeru itu, diharapkan bahagian ini dapat membantu memberikan gambaran umum berkenaan dengan tajuk kajian ini iaitu “*Sikap British Terhadap Hubungan Brunei – Malaysia 1970 – 1984*”. Kajian ini juga cuba untuk menilai sikap British dalam menghadapi isu melibatkan Brunei – Malaysia supaya persoalan kajian dapat dijawab dan dibuktikan. Manakala pada masa yang sama perkembangan hubungan Brunei dan Malaysia dalam jangka tempoh kajian dapat diketengahkan supaya perkara ini diketahui umum untuk memastikan rantau Asia Tenggara dapat berkembang pesat sehingga ke hari ini dan sekali gus memastikan rantau ini kekal stabil. Selain itu, beberapa komponen penting seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, tinjauan kajian lepas, metodologi kajian dan pembahagian bab turut dikupas bagi memberikan satu panduan yang jelas untuk menjayakan kajian ini. Akhir sekali diharapkan kajian ini dapat menutup lompong-lompong yang terdapat di dalam penulisan sejarah sekali gus memberikan sumbangan yang bermakna dalam dunia akademik khasnya bidang sejarah Asia Tenggara.

